



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	14/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	JMG		

Jabatan Mineral dan Geosains pantau pergerakan blok batuan sesar aktif

Kosmo, 14 Sept
2021_14

13 Penanda Aras Gempa di Pahang

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

KUANTAN - Kerajaan negeri Pahang melangkah ke hadapan dalam menangani ancaman gempa bumi dengan melakukan persediaan awal memasang Penanda Aras Gempa bumi (PAG) dan membangunkan sistem amaran awal gempa bumi.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, pada masa ini Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah memasang 13 PAG di daerah Bentong bagi memantau pergerakan blok batuan dan mengenal pasti segmen sesar yang aktif dari semasa ke semasa.

"Di bawah Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 pula kerajaan negeri beri cadangan risiko bencana geologi berkaitan gempa bumi dengan membangunkan sistem amaran awal gempa bumi di kawasan berisiko di daerah Bentong, Raub dan Cameron Highlands.

"Sistem amaran awal tsunami juga dibangunkan di kawasan berkemungkinan terkesan bencana geologi tsunami iaitu di daerah Rompin, Kuantan dan Pekan," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kosmo! Sabtu lalu melaporkan



KAJIAN tanda-tanda garis sesar yang dilakukan Jabatan Mineral dan Geosains di kawasan Bukit Tinggi di Bentong.

keindahan kawasan tanah tinggi di Janda Baik dan Bukit Tinggi di Bentong terdedah kepada anca-

man tanah runtuh yang berpunca daripada gempa bumi susulan pengaktifan semula garis sesar

Bukit Tinggi sejak 2007.

Pengaktifan semula garis sesar selepas ribuan tahun ia 'mati'



KERATAN *Kosmo!* muka depan Sabtu 11 September 2021.

menyaksikan 30 kejadian gempa bumi berlaku di kawasan itu bermula pada tahun 2007 dengan gegaran terkuat direkodkan adalah 4.2 pada skala Richter.

Presiden Institut Geologi Malaysia, Abd. Rasid Jaapar berkata, gempa bumi di Janda Baik dan Bukit Tinggi di Bentong boleh berulang memandangkan kawasan itu terletak dalam garis sesar Bukit Tinggi yang mengunjur dari Kuala Pilah-Kuala Lumpur dan Bukit Tinggi.

Menurut Wan Rosdy, kerajaan negeri serius dalam menangani ancaman kejadian gempa bumi di kawasan-kawasan Bukit Tinggi dan Janda Baik di Bentong yang mencatatkan 30 titik gempa serta di daerah Jerantut yang mencatatkan satu titik gempa.

